

# **NILAI ESTETIKA DALAM PENGHASILAN REKAAN SERAMIK KONTEMPORARI BERINSPIRASIKAN MOTIF ETNIK BORNEO**

**Norhayati Ayob  
Humin Jusilin**

---

## **ABSTRAK**

Karya seni seramik adalah manifestasi perasaan dan fikiran yang berhasil melalui beberapa teknik dan bentuk penghasilannya. Nilai estetika dalam seni seramik atau tembikar dikaitkan dengan konsep keindahan. Seni seramik wujud dalam pelbagai bentuk utiliti seperti pinggan mangkuk, perabot, seni perhiasan dan sebagainya. Ia mempunyai tafsiran yang luas dan bukan hanya dilihat pada elemen formal tetapi juga memancarkan perspektif adat dan budaya tradisi masyarakat. Penghasilan seni seramik yang kontemporari dizahirkan mengikut kepakaran dan kreativiti dalam sesebuah karya. Artikel ini bersifat kajian studio yang bertujuan untuk menjelaskan proses artistik dan interpretasi elemen formal pada karya seramik bersumberkan imej motif *linangkit* masyarakat Lotud di Tuaran. Kaedah kajian studio beroperasi sebagai memilih teknik dan bahan serta menstruktur elemen formal untuk mengenal pasti nilai estetika dalam seni seramik. Kajian artistik dan analisis formal menunjukkan bahawa faktor ekspresi pemikiran, bahan, teknik, konteks budaya dan masyarakat mempengaruhi penghasilan seramik kontemporari yang bernafaskan motif etnik Borneo. Keunikan *linangkit* sebagai karya baharu, menjelaskan idea yang kreatif berasaskan olahan dan inovasi daripada motif alam semula jadi. Pembuatan karya yang berunsurkan motif peribumi Borneo adalah salah satu langkah untuk melestarikan warisan budaya dalam olahan seramik kontemporari.

Kata kunci: Nilai estetika, seni seramik, formalistik, motif dan rekaan kontemporari.

## **ABSTRACT**

*The production of ceramic artworks can be described as a transformation of the feelings and thoughts through various techniques and forms to become a product that generates income. The aesthetic value of art ceramics or pottery is associated closely with the concept of beauty. Ceramic art exists in various forms of utilities such as dishes, furniture, art, jewelery and so on. Ceramic art has a broad interpretation and should not be perceived as a formal element, but also through the perspective of culture and tradition. These days the production of contemporary ceramic art is gauged in accordance with the expertise and creativity of a piece of work. This article will explain the artistic process carried out in a studio which includes the interpretation of formal elements in the Linangkit Lotud (Tuaran) motif on ceramic works. The studio study method will be used to select the techniques and structure to identify the formal elements of aesthetics in ceramic art. Formal artistic research and analysis reveal that expression, material, technical, cultural and social context influence the essence of Borneo ethnic motif contemporary ceramics. The Linangkit motif's uniqueness is recognized as a new design that describes the creative ideas and innovation generated by nature around us. As such, the use of indigenous Borneon motif in contemporary ceramics processing is one of the measures taken to preserve our cultural heritage.*

**Keywords:** *Aesthetic, ceramic art, formal, motifs and contemporary design.*

## **PENGENALAN**

Nilai estetika dalam seni rekaan adalah komponen penting bagi memastikan setiap produk seni yang dihasilkan bermutu tinggi. Konsep estetik atau keindahan produk lazimnya bergantung kepada beberapa unsur yang saling melengkapi seperti kehalusan, kemahiran, reka bentuk, fungsi dan rupanya. Konsep keindahan dalam pengertian estetika adalah suatu kepuasan yang sepatutnya dicapai melalui apresiasi atau penilaian seni.

Estetika merujuk kepada istilah yang diguna dalam pelbagai bentuk seni dan dikaitkan dengan teori keindahan. Sesetengah pendapat mengaitkannya dengan kelancaran sistem hujahan *axiom* (aksioma) yang logik<sup>1</sup>. Perkataan estetika berasal daripada perkataan Yunani yang berbunyi ‘Aestheticos’ atau disebut sebagai ‘Aisthesis’. Dalam bidang ilmu, estetika merupakan bidang kajian falsafah tentang *The Science of Beauty* (keindahan). Hal ini melibatkan kepekaan deria pengamatan dalam seni. Konsep estetika lazimnya dikaitkan dengan dua

pendekatan apresiasi seni. Pertama adalah keinginan untuk meneliti unsur keindahan yang terdapat pada objek atau imej<sup>2</sup> yang wujud dalam sesebuah karya seni. Sesetengah penulis menyifatkan keindahan objek seni dilihat berdasarkan aspek formalistik. Kedua, melibatkan luahan perasaan atau emosi yang terbit hasil daripada pengalaman keindahan melalui apresiasi seni<sup>3</sup>. Perasaan atau emosi melibatkan interpretasi seseorang penghayat seni yang disebut makna ikonografi.

### **ELEMEN FORMAL DALAM KARYA**

Aspek formalistik dan ikonografi merupakan persoalan utama yang menjadi tunjang pada setiap penghasilan sesebuah karya seni. Keberkesanan untuk menggunakan elemen seni atau unsur seni itu bergantung kepada tahap kefahaman pengkarya dalam memilih dan menyusun imej-imej formal untuk menghasilkan kesatuan komposisi bentuk.

Sesebuah karya seni lazimnya terdiri daripada dua elemen utama iaitu bentuk dan makna. Bentuk menyentuh imej yang dilihat, iaitu paparan elemen formalistik dalam karya seni. Antaranya seperti garisan, rupa, bentuk, ruang, komposisi, ton dan warna. Kombinasi elemen formalistik sebagai imejan sesuatu subjek akan menghasilkan bentuk. Makna sesuatu karya pula adalah interpretasi terhadap maksud dari apa yang dilihat. Persepsi demikian merujuk kepada pengertian mengapa sesebuah hasil karya itu dihasilkan. Sebagai contoh, interpretasi makna dikaitkan dengan isu yang signifikan dengan adat, budaya, kepercayaan, sejarah, mitos, legenda dan sebagainya. Kedua-dua elemen bentuk dan makna tersebut saling berkait rapat dalam menyampaikan mesej sesebuah karya.

Mulyadi Mahamood (1995), menyatakan pengkarya pada masa kini lebih cenderung memberikan perhatian terhadap pengalaman keindahan. Hal ini menjelaskan bahawa keindahan pada karya seni boleh dihayati dari satu zaman ke satu zaman yang lain. Penghayat seni biasanya bertindak sebagai subjek, manakala hasil karya seni pula sebagai objek. Justeru, dalam aspresiasi seni subjek adalah penghayat seni dan objek pula adalah sebagai karya. Hubungan penghayat dan makna karya saling melengkapi kerana diri penghayat seni mempunyai reaksi spontan akibat daripada rasa keindahan atau ekspresi sesebuah seni tersebut.


Syed Ahmad Jamal (1989), menjelaskan bahawa kefahaman tentang alam memberikan peluang kepada orang Melayu untuk memindahkan keindahan alam sekitar kepada hasil kreativiti dalam kesenian. Kesenian tersebut juga melibatkan jiwa, perasaan, nilai-nilai sosial, pandangan umum dan pemikiran yang terbina dalam masyarakat. Sehubungan itu, hasil seni yang dilahirkan

(lahiriah) mempunyai perkaitan dengan jiwa (batiniah) pengkarya. Pernyataan ini menunjukkan motif tradisi daripada inspirasi alam dapat diubah suai mengikut trend semasa, iaitu menggunakan elemen seni bagi memaparkan kreativiti dalam penghasilan motif.

## KARYA SENI SERAMIK

Produk-produk seramik bukan sahaja terkenal dengan fungsinya sebagai pekakasan<sup>4</sup> kehidupan harian tetapi juga keunikan ciptaannya berdasarkan aspek formalistik, bahan dan teknik pembuatannya. Motif merupakan sebahagian daripada unsur visual yang utama dalam menghasilkan karya seni. Motif biasanya berkembang sebagai corak yang menjadi kandungan imej hiasan bagi mengindahkan sesebuah produk seni. Produk seni termasuk karya yang berasaskan bahan tanah liat (seramik). Antara proses artistik<sup>5</sup> yang terlibat dalam penghasilan bentuk motif seramik biasanya mendapat ilham daripada alam sekitarnya. Oleh itu, sebuah karya seperti ini adalah akibat cetusan daripada hubungan karya tersebut dengan masyarakat dan alam persekitaran.

Hubungan cetusan bentuk dan makna dalam karya seni dapat menjelaskan nilai akal fikiran, nilai kepercayaan dan bentuk fizikal kehidupan. Kesannya, kita dapat mengetahui pembentukan kebudayaan sesebuah masyarakat. Secara tidak langsung, setiap karya seni tertakluk kepada bentuk dan makna. Bentuk lebih bersifat tetap di sebalik susunan kreativiti pengkarya kepada sesuatu yang tersurat<sup>6</sup>, sebaliknya makna lebih bersifat abstrak dan tersirat<sup>7</sup>. Sekiranya bentuk berubah, maka makna juga akan turut berubah dan begitu juga sebaliknya. Teknik atau proses pembuatan amat berkait rapat dengan bahan dan peralatan yang digunakan oleh pengkarya. Setiap bahan yang digunakan mempengaruhi pembentukan idea dalam penghasilan karya seni seramik. Rajah 1 menunjukkan tiga aspek penting dalam penghasilan seramik. Pertama adalah pemilihan imej dan tema. Kedua, pemilihan teknik dan persembahan dan ketiga adalah pemilihan teknik dan proses. Ketiga-tiga aspek ini disebut proses artistik yang perlu dilalui oleh seseorang untuk menghasilkan karya seni seramik.



**Rajah 1** Aspek yang mempengaruhi penghasilan karya seramik

## KONSEP REKAAN SERAMIK

Penggunaan barang seramik dan tembikar merupakan perkakasan terawal dalam tamadun manusia. Seramik digunakan oleh manusia sejak zaman primitif lagi iaitu 800 tahun sebelum Masihi atau lebih awal lagi. Walau bagaimanapun, produk seramik bersifat keras, poros dan mudah pecah. Produk seramik merupakan sebahagian daripada hasil produk tembikar yang diperbuat daripada tanah liat. Lazimnya, produk seramik melalui dua kali proses pembakaran. Pembakaran yang pertama dilakukan hingga mencecah suhu 800°C. Fizikal tanah liat yang dibakar pada peringkat ini masih bersifat poros, manakala pembakaran kedua disebut pembakaran licau<sup>8</sup> hingga ke suhu 1200°C. Pada peringkat ini, sifat fizikal tanah berubah kepada kekaca dan tidak poros.

## KONSEP KONTEMPORARI

Seni pembuatan seramik kontemporari<sup>9</sup> menekankan unsur-unsur seperti bentuk, makna dan dekorasi mengikut trend semasa. Unsur tersebut menjadi asas penting yang dapat mengukur nilai estetika sebuah karya. Konsep rekaan kontemporari bersifat lebih bebas, terkini dan pantas mengikut trend pasaran. Walau bagaimanapun, teknik-teknik tradisi masih lagi digunakan dalam penghasilan produk. Beberapa kriteria asas menjadi panduan dalam penghasilan produk seramik kontemporari seperti berikut:

- a. Peringkat pertama adalah pemilihan idea<sup>10</sup> sama ada merujuk kepada sumber alam semula jadi atau produk-produk yang sedia ada.
- b. Selain itu, gabungan kedua-duanya boleh diaplikasikan bagi menghasilkan sesebuah ciptaan yang baharu.
- c. Lazimnya lakaran-lakaran idea dilukis dan direkodkan sebagai rujukan pengkarya.

- d. Peringkat kedua, adalah proses perkembangan idea iaitu transformasi idea yang dipengaruhi oleh subjek rujukan asal kepada idea yang baharu. Rujukan asal biasanya disebut dimensi lama kepada demensi baharu iaitu produk yang bersifat inovasi. Pengkarya yang kreatif juga sering menjadikan produk sedia ada untuk membantu proses perkembangan idea.
  - e. Dalam proses perkembangan idea ini, pereka perlu merekodkan proses kerja. Rekod ini disebut folio rekaan yang lengkap merangkumi lakaran, gambar motif atau subjek, gambaran visual atau catatan produk sebagai rujukan pengkarya.
  - f. Pemilihan konsep yang tepat dan bersesuaian dengan cita rasa pasaran merupakan aspek yang perlu diberi perhatian untuk menghasilkan karya kontemporari. Gabungan ciri tradisional dan kontemporari pula boleh dilakukan sama ada bagi mengekalkan tradisi atau teknik baharu dalam penghasilan karya.
  - g. Pemilihan tanah liat atau jasad yang betul dan memahami kesesuaian bahan dengan konsep rekaan perlu diteliti dan ditekankan. Pemilihan bahan juga turut mempengaruhi jenis proses pembuatan yang hendak dilakukan. Oleh itu, pereka atau pengkarya perlu memahami terlebih dahulu ciri-ciri dan sifat bahan yang hendak digunakan agar bersesuaian dengan hasil rekaan.

## Kajian Karya Seramik Bertemakan Motif Borneo

Produk seramik yang bertemakan motif Borneo, dirancang berdasarkan beberapa kaedah. Sebagai contoh, reka bentuk seramik dilakukan dengan memfokuskan kepada dua kaedah, iaitu kajian sejarah berunsurkan motif Borneo dan kajian praktik studio. Kedua-dua kaedah kajian tersebut digunakan untuk membantu mendapatkan hala tuju kajian produk untuk penghasilan karya. Rajah 2 menjelaskan kaedah penghasilan karya berdasarkan kajian sejarah dan praktikal studio.



## ELEMEN ESTETIKA DALAM KARYA *LINANGKIT*

Karya Noorul Zulfatin yang bertajuk *Linangkit* (2011) telah memilih motif Borneo bertemakan sulaman *linangkit* sebagai isu yang diketengahkan. Motif *linangkit* adalah warisan tekstil tradisional suku kaum Dusun Lotud di Tuaran. Pada zaman teknologi moden ini, didapati teknik sulaman *linangkit* hanya dijalankan oleh golongan tua. Tambahan pula golongan muda kurang minat untuk meneruskan tradisi ini. Kesannya, aktiviti dan seni sulaman *linangkit* semakin pupus. Pengkarya menggunakan keunikan motif *linangkit* dalam karya seramik yang bersifat kontemporari bagi mengembalikan nilai kesenian sulaman *linangkit*. Keistimewaan dan keunikan sulaman *linangkit* dipaparkan sebagai elemen estetika seperti berikut:

### a. Subjek

Imej dan motif yang terdapat pada sulaman *linangkit* amat unik, sehinggakan sulaman yang terhasil bervariasi antara satu dengan yang lain. Kebiasaannya, motif rekaan pada sulaman *linangkit* berunsurkan pengaruh alam sekeliling orang Lotud (Rajah 3). Pengaruh alam ini didominasi dengan imej yang terdiri daripada unsur flora dan fauna. Dari segi sejarahnya, evolusi secara perlahan-lahan telah mempengaruhi rekaan motif seni sulaman yang bersifat geometri. Penggunaan motif *linangkit* yang berunsurkan alam flora telah mengalami transformasi idea mengikut kreativiti pengkarya.



Rajah 3 Motif sulaman *linangkit* masyarakat Lotud Tuaran


### b. Bentuk

Rupa bentuk karya seramik seperti bulat dan segi tiga merupakan aspek perkembangan dan pengalaman yang bercirikan metafora serta sensori pengkarya. Pembentukan idea ini adalah contoh pengamatan pengkarya terhadap citra warisan tradisi orang Lotud. Sebagai contoh, motif *linangkit* dikatakan adaptasi daripada biji tembikai. Penerokaan melalui teknik potongan dan belahan buah tembikai telah mencetuskan pelbagai motif *linangkit* yang kaya dengan pelbagai bentuk dan corak. Sebagai contoh, rupa bentuk organik ditransformasi menjadi bentuk geomatrik. Selain itu, bentuk biji tembikai menghasilkan variasi motif yang bersifat segi tiga. Belahan buah tembikai yang bulat pula menjadi ilham pembentukan variasi motif yang bersifat bulatan.

### c. Komposisi

Karya Linangkit (2011) rekaan Noorul Zulfatin melalui proses penyusunan saiz yang berperingkat, iaitu daripada ukuran kecil dan besar. Imej ini menggambarkan konotasi pengkarya terhadap warisan dan kitaran hidup mengikut peringkat, iaitu generasi tua (nenek moyang) dan golongan muda (generasi muda hari ini).

Rajah 4 menunjukkan karya *linangkit* yang disampaikan melalui subjek pinggan (piring). Komposisi corak *linangkit* diolah dalam pelbagai reka letak melalui prinsip harmoni, kepelbagaian, kesatuan, dominan, kontra dan penegasan. Prinsip harmoni dilihat pada sifat warna yang berimbangan antara warna panas dan warna sejuk. Seterusnya, perulangan bentuk yang berimbangan dengan susun atur saiz kecil dan besar. Prinsip kepelbagaian dilihat daripada aspek bentuk dan reka letak motif yang bervariasi pada permukaan seramik. Di samping itu, penggunaan teknik dekoratif secara berkesan diaplikasikan melalui teknik *stamping*, *stencil*, *slip traling* dan lain-lain lagi. Prinsip dominan pula divisualkan melalui penggayaan pelbagai corak serta bentuk segi tiga pada permukaan pinggan. Kesan kontra pula dipaparkan melalui penggunaan warna cerah (panas) seperti kuning dan merah bagi mewujudkan tumpuan pada karya. Penegasan pada karya dipaparkan melalui rosotan bentuk<sup>11</sup> pinggan yang menunjukkan unsur pergerakan untuk menyampaikan maksud budaya penggunaan pinggan atau mangkuk dalam tradisi masyarakat Lotud. Olahan elemen formal melalui garisan, rupa, ruang, bentuk, warna dan jalinan pula berperanan sebagai unsur estetika dalam penghasilan karya seramik.




**Rajah 4** Karya bertajuk *linangkit* oleh Noorul Zulfatin Zulkapli (2011)

**d. Bahan dan teknik**

Penghasilan karya yang kaya dengan kepelbagaiannya teknik dekorasi dalam seni seramik dihasilkan melalui beberapa kajian medium dan teknik seperti berikut:

- i. Pengkarya menggunakan medium campuran bahan kertas ke dalam jasad (tanah liat) untuk mendapatkan kesan jalinan (tekstura). Campuran kertas telah meminimumkan bahan tanah liat dan memberi kesan kepada karya yang bersifat lebih ringan.
- ii. Beberapa teknik seperti *slip trailing* dan *press-mould* digunakan dalam proses penghasilan dekorasi. Teknik ini menghasilkan pelbagai motif yang bersifat dinamik dalam karya.
- iii. Proses penghasilan seramik dilakukan melalui beberapa peringkat yang bermula dengan persediaan jasad (tanah liat), sehingga proses pembakaran licau atau *glaze* yang mencecah sehingga suhu 1200°C.
- iv. Rajah 5 merumuskan proses penghasilan produk seramik, *Leather hard* (separa kering), *Bone dry* (kering), pembakaran pertama (*Bisque*) (800 – 900°C). Proses licau (*glaze*), pembakaran kali kedua sehingga suhu 1200°C dan diakhiri dengan produk akhir.



Rajah 5 Proses penghasilan seramik dalam karya *linangkit* (2011)

### e. Makna

Karya *linangkit* yang bertemakan budaya Borneo telah dapat memberikan gambaran jelas tentang khazanah warisan oleh suku kaum Dusun Lotud. Subjek diolah berdasarkan penggunaan reka bentuk, motif dan warna yang bersifat harmoni. Pengkarya berupaya mengaplikasikan ragam hias berdasarkan imej dan makna motif *linangkit* etnik Dusun Lutod sebagai idea dalam karya. Karya beliau juga berjaya mengadaptasikan motif dan susunan ragam hias sulaman *linangkit* sebagai inovasi baharu menerusi kepelbagai teknik seramik. Subjek pinggan menjelaskan simbol kepada penyatuan, iaitu dipancarkan melalui penggunaan perkakasan tersebut sebagai simbol perlakuan makan dan menjamu selera. Konsep makan adalah unsur yang bermaksud penyatuan dalam budaya Lotud. Pengkarya telah mewujudkan gambaran yang harmoni dalam karyanya sinonim dengan cara hidup, nilai dan kepercayaan melalui ragam objek budaya *linangkit*.

## KESIMPULAN

Seni pembuatan seramik merupakan seni warisan yang amat berkait rapat dengan kehidupan sejak zaman-berzaman. Nilai keindahan dalam seni seramik bukan sahaja dipancarkan melalui bahan serta teknik pembuatan malah, ditunjangi oleh unsur dan prinsip seni reka. Rekaan produk berunsurkan motif peribumi Borneo adalah langkah memartabatkan warisan budaya tempatan dalam olahan kontemporari. Penghasilan dan olahan berdasarkan motif tempatan ini secara tidak langsung menghasilkan karya yang dapat menyampaikan maksud dan nilai budaya. Kajian berasaskan motif sulaman *linangkit* dapat memperkenalkan ragam hias dan budaya Lotud. Bagaimanapun, gabungan elemen formal dan prinsip rekaan dalam seni seramik menentukan keseluruhan komposisi dan nilai estetika dalam penghasilan produk.

## NOTA

<sup>1</sup> Aksioma adalah pernyataan logik yang dianggap benar, iaitu kebenaran atau prinsip yang diterima umum. Suatu andaian atau kenyataan yang boleh diterima atau dianggap benar pada amnya tanpa sebarang bukti atau soal (*Kamus Dewan*). Dalam kata lain, *axiom* (aksioma) adalah kebenaran atau asas yang sudah mapan dan jelas dengan sendirinya.

*Sumber:* Rifa'i, Mien. A. Kamus Biologi. Penyusun akhir Mien A. Rifai. Cetakan ke-4. Jakarta: Balai Pustaka. 2004, hlm. 10.

<sup>2</sup> Unsur keindahan formal tentang objek atau imej seni adalah berdasarkan kandungan atau disebut elemen rupa, bentuk, garisan, jalinan, warna dan ruang. Olahan terhadap elemen seni dapat menerbitkan prinsip keindahan seperti kesatuan, keharmonian, kepelbagaiannya,imbangan, kontra, perulangan, pergerakan dan lain-lain.

<sup>3</sup> Luahan perasaan atau emosi melalui apresiasi seni membangkitkan pengalaman keindahan berdasarkan prinsip kesatuan, keharmonian, kepelbagaiannya,imbangan, kontra, perulangan dan pergerakan atau komposisi dalam karya.

<sup>4</sup> Utiliti adalah alat yang diperlukan hidup seperti pinggan mangkuk dan perabot.

<sup>5</sup> Proses yang dilalui dalam pembuatan karya seni.

<sup>6</sup> Bentuk tersirat merujuk kepada imej yang dapat dilihat sama ada komposisi rupa, bentuk, warna, jalinan dan garisan atau keseluruhan elemen seni yang diaplikasikan dalam karya.

<sup>7</sup> Sifat abstrak dan tersirat merujuk kepada makna yang dicetuskan daripada karya yang mengaitkannya dengan isu, tema dan persoalan seperti sosial, budaya, nilai murni, kepercayaan, adat, agama dan sebagainya.

<sup>8</sup> Pewarnaan seramik menggunakan *glaze*.

<sup>9</sup> Terkini atau mengikut keadaan semasa.

<sup>10</sup> Sesetengah penulis menggunakan istilah sumber idea untuk menjelaskan pemilihan idea.

<sup>11</sup> Rosotan atau perubahan yang berkonotasi dengan (a) peredaran masa (b) perubahan lazim golongan tua dan golongan muda.

## RUJUKAN

- Anneliese Crueger. (2006). *Modern Japanese ceramics. Pathways of innovation & tradition.* Lark Books, A Division of Sterling Publishing Co. Inc.
- Anthony Quinn. (2007). *The ceramic design course, principles, practices and techniques.* United Kingdom: Thames & Hudson.
- Jenny Rodwell. (2002). *Potter's Workshop.* Brunel House Newton Abbot Devon F & W Publication.
- Jo Connell. (2005). *The Potter's Guide to ceramic surface.* Wisconsin, United States of America: Krause Publications, Iola.
- Mulyadi Mahamood. (1995). *Seni lukis dalam peristiwa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati Ayob. (2009). Konsep reka bentuk 3D: Cawan dan piring. *Isu-isu Seni Kontemporari.* Dlm. Prosiding Persidangan Seni Kebangsaan. Kota Kinabalu: Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah.
- Robin Hopper. (2009). *The ceramic spectrum.* Ohio Westerville. The American Ceramic Society.
- Siti Zainon Ismail. (1997). *The traditional Malay handicraft design (1st ed.).* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ahmad Jamal. (1989). *Rupa dan jiwa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Suhaizam Said. (2007). *Estetika tradisi tembikar Mambong Kelantan.* Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Laman Web <http://www.scribd.com/doc/58147527/1/Pengenalan>. Dilayari pada November 2007.
- Yvonne Hutchinson Cuff. (1996). *Ceramic technology for potters and sculptors.* United States 1995 by the University of Pennsylvania Press.